

22 Mei 2019- YB Haji Wan Hassan bin Wan Ramli, Ahli Perlimen Dungun merasmikan Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Quran dan Badar Kubra Peringkat Daerah Dungun di Dewan Arena Merdeka, Dungun. Hadir sama, YB Haji Wan Hapandi Wan Nik, ADUN Sura, YB Alias bin Harun, ADUN Rantau Abang, dan ketua-ketua jabatan serta agensi daerah Dungun. Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Dhuha dan Tadabur Quran seterusnya disusuli ceramah berkaitan Nuzul Al-Quran dan Badar Qubra.



Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada semua tetamu yang hadir. Kira-kira 1,000 orang hadir memeriahkan majlis yang berakhir pada 12.30 tengah hari.